

Petikan di bawah mengandungi 13 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 13 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Bagi para graduan-graduan yang masih menganggur, mereka disarankan supaya menjalankan kursus TVET bagi mempertingkatkan lagi peluang mereka untuk memperoleh pekerjaan. Melalui kemahiran yang mereka peroleh itu, secara tidak langsung dapat membantu mereka mempunyai nilai tambah yang amat berguna apabila memohon pekerjaan kelak di samping kelulusan akademik yang diperoleh dari institusi pengajian tinggi. Kebolehan pasaran kerja graduan kemahiran TVET lebih tinggi, iaitu 98 peratus berbanding dengan graduan universiti, iaitu sebanyak 60 peratus. Situasi tersebut menunjukkan perebutan untuk mendapatkan pekerjaan semakin hangat dan taraf kelayakan untuk sesuatu jawatan semakin hari makin meningkat dan terus meningkat. Setiap tahun, ribuan graduan baharu dilahirkan oleh institusi pengajian tinggi lain seperti poli-teknik serta institusi latihan kemahiran. Pelajar berkemahiran dikatakan lebih terbuka peluangnya untuk mendapatkan kerja, khususnya untuk jawatan peringkat pertengahan. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, graduan TVET mempunyai peluang yang cerah kerana negara memerlukan banyak tenaga mahir dalam industri. Graduan TVET sangat beruntung sebab kebanyakan mereka dinanti-nantikan oleh majikan. Kebanyakan institusi TVET juga menawarkan kemahiran yang sememangnya menjadi rebutan banyak syarikat pada hari ini. Graduan TVET turut berpeluang menjadi usahawan dengan kemahiran tambahan yang sedia ada.

1. para graduan-graduan - para graduan

2.

3.

4.

5.

6.

7.

8.

9.

10.

11.

12.

13.